



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 17 TAHUN 2013**

---

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN  
OPERATOR LOJI, PEMANDU KENDERAAN DAN PENGHANTAR NOTIS**

**TUJUAN**

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai pindaan skim perkhidmatan Operator Loji, Pemandu Kenderaan dan Penghantar Notis.

**LATAR BELAKANG**

2. Dalam usaha untuk menggembeng modal insan berpengetahuan dan berkemahiran selaras dengan hala tuju ke arah negara berpendapatan tinggi, kerajaan telah bersetuju supaya kelayakan masuk minimum ke perkhidmatan awam ditetapkan pada kelayakan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Maka, skim-skim perkhidmatan yang diperuntukkan kelayakan masuk di peringkat tamat Tingkatan 3 dan ke bawah dipersetujui untuk dinaik taraf ke peringkat PMR.

## **PINDAAN**

3. Skim perkhidmatan Operator Loji Gred R3, R8, Pemandu Kenderaan Gred R3, R6 dan Penghantar Notis Gred N3, N12 yang sedang berkuat kuasa dipinda kepada skim perkhidmatan yang baharu seperti berikut:

### **Skim Perkhidmatan Operator Loji**

- (a) diletakkan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Kemahiran (H);
- (b) diperuntukkan gred jawatan/gaji H11, H14;
- (c) diperuntukkan syarat lantikan:
  - (i) PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
  - (ii) sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
  - (iii) berkebolehan mengendalikan Loji Pembakaran Dalam 40-100 Kuasa Kuda atau Loji Stim/Dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan; dan
  - (iv) kepujian Bahasa Melayu pada peringkat PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

- (d) diperuntukkan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran Gred H17 atau Penjaga Jentera Elektrik Gred J17 yang kosong tertakluk memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

### **Skim Perkhidmatan Pemandu Kenderaan**

- (a) diletakkan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Kemahiran (H);
- (b) diperuntukkan gred jawatan/gaji H11, H14;
- (c) diperuntukkan syarat lantikan:
  - (i) PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
  - (ii) lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)];
  - (iii) berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini; dan
  - (iv) kepujian Bahasa Melayu pada peringkat PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (d) diperuntukkan PSL ke skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran Gred H17 atau Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 yang kosong tertakluk memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

### **Skim Perkhidmatan Penghantar Notis**

- (a) diperuntukkan gred jawatan/gaji N11, N14;
- (b) diperuntukkan syarat lantikan:
  - (i) PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
  - (ii) sekurang-kurangnya lesen memandu Kelas B2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
  - (iii) kepujian Bahasa Melayu pada peringkat PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (c) diperuntukkan PSL ke skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran Gred H17 atau Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 yang kosong tertakluk memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

4. Skim perkhidmatan Operator Loji, Pemandu Kenderaan dan Penghantar Notis yang baharu adalah seperti di **Lampiran A, A1 dan A2**. Format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B**. Jadual Gaji Minimum – Maksimum (JGMM) adalah seperti di **Lampiran C dan C1**. Penghuraian kerja umum adalah seperti di **Lampiran D, D1 dan D2**.

### **KETUA PERKHIDMATAN**

5. Ketua Perkhidmatan bagi skim perkhidmatan Operator Loji, Pemandu Kenderaan dan Penghantar Notis ialah Ketua Jabatan masing-masing.

## **PELAKSANAAN**

### **Prinsip Umum Pertukaran Pelantikan**

6. Pegawai hendaklah ditukar lantik ke jawatan baharu di skim perkhidmatan yang sama atau berlainan pada gred yang setara dengan jawatan asal. Pegawai yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan dalam kelompok kelayakan lebih tinggi pula, gred jawatan yang akan ditawarkan adalah pada gred lantikan. Sekiranya tiada gred setara, maka jawatan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) boleh diwujudkan.

### **Skim Perkhidmatan Operator Loji**

7. Pegawai dalam skim perkhidmatan Operator Loji sedia ada yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Operator Loji yang baharu seperti berikut:

- (a) Operator Loji Gred R3 dan R8 yang memiliki PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Operator Loji Gred H11; atau
- (b) Operator Loji Gred R3 dan R8 yang tidak memiliki PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan tetapi mempunyai genap sembilan (9) tahun perkhidmatan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Operator Loji Gred H11.

### **Skim Perkhidmatan Pemandu Kenderaan**

8. Pegawai dalam skim perkhidmatan Pemandu Kenderaan sedia ada yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pemandu Kenderaan yang baharu seperti berikut:

- (a) Pemandu Kenderaan Gred R3 dan R6 yang memiliki PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pemandu Kenderaan Gred H11; atau

- (b) Pemandu Kenderaan Gred R3 dan R6 yang tidak memiliki PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan tetapi mempunyai genap sembilan (9) tahun perkhidmatan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pemandu Kenderaan Gred H11.

### **Skim Perkhidmatan Penghantar Notis**

9. Pegawai dalam skim perkhidmatan Penghantar Notis sedia ada yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penghantar Notis yang baharu seperti berikut:

- (a) Penghantar Notis Gred N3 yang memiliki kelayakan tamat Tingkatan 3/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penghantar Notis Gred N11; atau
- (b) Penghantar Notis Gred N12 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penghantar Notis Gred N11 dengan gaji secara KUP atas Gred N12.

10. Tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira bagi tujuan pertukaran pelantikan ini adalah tempoh perkhidmatan tetap dalam skim perkhidmatan asal, tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji atau mana-mana tempoh yang tidak diambil kira berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

11. Operator Loji Gred R3 dan R8 dan Pemandu Kenderaan Gred R3 dan R6 yang **belum memenuhi syarat** pertukaran pelantikan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP. Gaji pegawai hanya akan diselaraskan ke gaji baharu dalam skim perkhidmatan Operator Loji Gred H11 dan Pemandu Kenderaan Gred H11 sehari selepas memenuhi syarat seperti ditetapkan. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan urusan pelarasan ini direkodkan dalam Kenyataan Perkhidmatan pegawai.

12. Jabatan ini [Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO)] akan melaksanakan perubahan jawatan Operator Loji, Pemandu Kenderaan dan Penghantar Notis dalam Senarai Perjawatan sedia ada.

13. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

### **PEMBERIAN OPSYEN**

14. Ketua Jabatan hendaklah menawarkan opsyen kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Operator Loji, Pemandu Kenderaan dan Penghantar Notis bagi membolehkan pegawai membuat pilihan.

15. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang baharu.

16. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baharu ini. Dengan ini:

- (a) pegawai akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP;
- (b) pegawai akan berada dalam skim perkhidmatan asal yang telah diumumkan dan tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan asal; dan
- (c) pegawai tidak layak menikmati keistimewaan dan penambahbaikan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Operator Loji, Pemandu Kenderaan dan Penghantar Notis yang baharu dan sebarang pindaan kepadanya.

17. Semua pegawai yang terlibat akan diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh surat opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

18. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf **tetap** dan masih dalam perkhidmatan pada 1 November 2013, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta berada dalam Sistem Saraan Malaysia.

19. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukar sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib.

20. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

21. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 19, Ketua Jabatan boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (**30 hari**) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

22. Bagi urusan pemberian opsyen pertukaran pelantikan bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Operator Loji, Pemandu Kenderaan dan Penghantar Notis sedia ada, dokumen yang berkaitan adalah seperti berikut:



(a) **Pegawai Yang Memiliki Kelayakan**

- (i) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Operator Loji Gred R3, Pemandu Kenderaan Gred R3 dan Penghantar Notis Gred N3 seperti di **Lampiran E, E1 dan E2**;
- (ii) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Operator Loji Gred R8 dan Pemandu Kenderaan Gred R6 seperti di **Lampiran F, F1 dan F2**; dan
- (iii) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Penghantar Notis Gred N12 seperti di **Lampiran G, G1 dan G2**.

(b) **Pegawai Yang Tidak Memiliki Kelayakan**

- (i) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Operator Loji Gred R3 dan Pemandu Kenderaan Gred R3 seperti di **Lampiran H, H1 dan H2**; dan
- (ii) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Operator Loji Gred R8 dan Pemandu Kenderaan Gred R6 seperti di **Lampiran J, J1 dan J2**.

23. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan **sementara** atau **kontrak** dan perkhidmatan pegawai tersebut perlu ditamatkan. Urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk memenuhi syarat skim perkhidmatan yang baharu.

## **Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Dalam Skim Perkhidmatan Asal Bagi Pegawai Yang Ditukar Lantik ke Gred Jawatan Lebih Tinggi**

24. Operator Loji Gred R3, Pemandu Kenderaan Gred N3 dan Penghantar Notis Gred N3 yang **memenuhi syarat** untuk ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan yang baru layak membuat pilihan sama ada:

- (a) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan; atau
- (b) ditukar lantik setelah pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal.

25. Pegawai yang memilih untuk terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara *time-based* di skim perkhidmatan asal kerana telah ditukar lantik ke gred jawatan yang lebih tinggi.

26. Pegawai yang memilih untuk kekal dalam skim perkhidmatan asal sehingga dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan, akan berada dalam skim perkhidmatan asal secara KUP. Pegawai akan dipertimbangkan kenaikan pangkat apabila menggenapkan tempoh 13 tahun di skim perkhidmatan asal. Seterusnya, pegawai akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan berkuat kuasa sehari selepas pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* tersebut.

27. Operator Loji Gred R3 dan Pemandu Kenderaan Gred N3 yang **belum memenuhi syarat** tempoh genap sembilan (9) tahun perkhidmatan untuk ditukar lantik serta memilih untuk kekal dalam skim perkhidmatan asal sehingga dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan akan berada dalam skim perkhidmatan asal secara KUP. Pegawai akan dipertimbangkan kenaikan pangkat apabila menggenapkan tempoh 13 tahun di skim perkhidmatan asal termasuk tempoh sembilan (9) tahun perkhidmatan yang perlu dipenuhi bagi tujuan tukar lantik.

28. Sekiranya pegawai di perenggan 26 dan 27 tidak berjaya dinaikkan pangkat dalam tempoh *time-based* yang ditetapkan, pegawai boleh memohon untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan. Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan

adalah pada tarikh semasa yang diluluskan oleh Ketua Jabatan.

## **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

29. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Pihak Berkuasa Melantik akan mewakili kuasa kepada Ketua Jabatan untuk menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) **Ketua Jabatan**

- (i) menawarkan opsyen kepada pegawai terlibat;
- (ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan dan melaporkan kepada jabatan ini (BPO) mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini sebelum 1 Mei 2014 mengikut format seperti di **Lampiran K**.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai

hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Pemilihan opsyen adalah muktamad;

- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) mengembalikan borang opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan.

### **KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

30. Pegawai akan ditawarkan gaji permulaan di jawatan baharu seperti berikut:

- (a) pada gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
- (b) pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu.

31. Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji dalam JGMM mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada jabatan ini (Bahagian Saraan) dengan mengemukakan salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai terlibat yang telah dikemas kini dan disahkan.

32. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan ini adalah seperti di **Lampiran L**.

## **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

33. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.

## **ELAUN DAN KEMUDAHAN**

34. Urusan pertukaran pelantikan ini tidak melibatkan sebarang perubahan elaun dan kemudahan yang sedang diterima oleh pegawai mengikut pekeliling perkhidmatan/surat pekeliling perkhidmatan/surat edaran yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, penetapan kadar elaun dan kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada penetapan gred jawatan pegawai ditukar lantik.

## **TARIKH KUAT KUASA**

35. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 November 2013**.

## **PEMBATALAN**

36. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Operator Loji, Pemandu Kenderaan dan Penghantar Notis dalam semua pekeliling perkhidmatan/surat pekeliling perkhidmatan/surat edaran berkaitan adalah dibatalkan, kecuali untuk menampung pegawai yang belum layak dan pegawai yang menolak opsyen. Senarai skim perkhidmatan yang dibatalkan adalah seperti berikut:

- (a) skim perkhidmatan Operator Loji di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002;
- (b) skim perkhidmatan Pemandu Kenderaan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2006; dan

- (c) skim perkhidmatan Penghantar Notis di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2009.

## **PEMAKAIAN**

37. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

29 Oktober 2013

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN  
OPERATOR LOJI**

<b>KLASIFIKASI</b>	<b>: PERKHIDMATAN KEMAHIRAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>: PELAKSANA</b>
<b>GREED JAWATAN/GAJI</b>	<b>: H11, H14</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>: 1 NOVEMBER 2013</b>

<b>SYARAT LANTIKAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<ol style="list-style-type: none"><li>(a) warganegara Malaysia;</li><li>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</li><li>(c) <ol style="list-style-type: none"><li>(i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;</li><li>(ii) sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; dan</li><li>(iii) berkebolehan mengendalikan Loji Pembakaran Dalam 40-100 Kuasa Kuda atau Loji Stim/Dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM896.15).</li></ol></li></ol></li></ol>
<b>SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.</li></ol>
<b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.</li></ol>
<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.</li></ol>
<b>LATIHAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.</li></ol>
<b>PROGRAM TRANSFORMASI MINDA</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.</li></ol>

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED H14**

10. Operator Loji Gred H11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Operator Loji Gred H14 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
- (d) memiliki sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 1 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 1 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
- (e) disahkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan sebagai cekap mengendalikan Loji Pembakaran Dalam Melebihi 100 Kuasa Kuda atau Loji Stim/Dandang yang luas permukaan pembakarannya melebihi 100 kaki persegi mana yang berkenaan; dan
- (f) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H17 ATAU PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J17**

11. Operator Loji yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H17 atau Penjaga Jentera Elektrik Gred J17 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Operator Loji yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).



**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMANDU KENDERAAN**

<b>KLASIFIKASI</b>	<b>:</b>	<b>PERKHIDMATAN KEMAHIRAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PELAKSANA</b>
<b>GREED JAWATAN/GAJI</b>	<b>:</b>	<b>H11, H14</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>:</b>	<b>1 NOVEMBER 2013</b>

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c)
    - (i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
    - (ii) lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
    - (iii) berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- Lesen D RM896.15
- Lesen E/E1/E2 RM942.30
- Lesen F/H RM988.45
- Lesen G/I RM1,034.60

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

**PELARASAN GAJI BAGI  
PEGAWAI YANG  
MEMPEROLEHI LESEN  
MEMANDU KELAS LEBIH  
TINGGI SEMASA DALAM  
PERKHIDMATAN**

4. Pemandu Kenderaan yang memperolehi lesen memandu kelas lebih tinggi semasa dalam perkhidmatan hendaklah diselaraskan ke amaun gaji permulaan mengikut lesen berkenaan, sekiranya gaji pegawai masih rendah daripada gaji permulaan lesen berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

5. Pegawai adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED H14**

**PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H17 ATAU PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI) GRED N17**

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.
8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
11. Pemandu Kenderaan Gred H11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Kenderaan Gred H14 yang kosong apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
12. Pemandu Kenderaan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H17 atau Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pemandu Kenderaan yang berkuat kuasa pada 1.7.2007 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2006).

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENGHANTAR NOTIS**

<b>KLASIFIKASI</b>	<b>:</b>	<b>PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PELAKSANA</b>
<b>GREJAWATAN/GAJI</b>	<b>:</b>	<b>N11, N14</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>:</b>	<b>1 NOVEMBER 2013</b>

<b>SYARAT LANTIKAN</b>	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (a) warganegara Malaysia; (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; (i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan (ii) sekurang-kurangnya lesen memandu Kelas B2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]. (Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM847.99)
<b>SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU</b>	2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki keupujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
<b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN</b>	3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.
<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
<b>LATIHAN</b>	5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
<b>PROGRAM TRANSFORMASI MINDA</b>	6. Pegawai dalam tempoh percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.
<b>PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN</b>	7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
<b>PERGERAKAN GAJI TAHUNAN</b>	8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
<b>KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI</b>	9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED N14**

10. Penghantar Notis Gred N11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penghantar Notis Gred N14 yang kosong apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PEMBANTU KEMAHIRAN  
GRED H17 ATAU PEMBANTU  
TADBIR (PERKERANIAN/  
OPERASI) GRED N17**

11. Penghantar Notis yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H17 atau Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penghantar Notis yang berkuat kuasa pada 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2009).

## LAMPIRAN B

### FORMAT IKLAN JAWATAN

Rujukan Fail:

1. (a) Jawatan : Nyatakan nama jawatan seperti dalam skim perkhidmatan berkenaan.
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan\* : Nama Agensi.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Nyatakan sama ada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana.
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Nyatakan Klasifikasi Perkhidmatan yang mengandungi skim perkhidmatan tersebut wujud.
2. Jadual Gaji : Rujuk pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa.
3. Syarat Lantikan : Seperti syarat lantikan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.
4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap, sementara atau kontrak.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan (nyatakan seperti di 1(a) di atas) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh Ketua Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

(\* Potong mana yang tidak berkenaan)

**LAMPIRAN C****JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN KEMAHIRAN  
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 NOVEMBER 2013****(RM SEBULAN)**

<b>KOD GAJI KOMPUTER SSM</b>	<b>GREJ GAJI</b>	<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
SSM305HA26000	H26	2,505.00	4,788.00	125.00
SSM305HA22000	H22	2,184.00	4,265.00	115.00
SSM305HA17000	H17	953.00	3,490.00	95.00
SSM305HA16000	H16	1,598.00	3,236.00	95.00
SSM305HA14000	H14	1,576.00	3,041.00	90.00
SSM305HA11000	H11	837.00	2,619.00	80.00

**PENGHURAIAN KERJA UMUM  
OPERATOR LOJI**

**1. SKIM PERKHIDMATAN**

Operator Loji Gred H11, H14.

**2. PERINGKAT ORGANISASI**

Pelbagai kementerian/jabatan/agensi kerajaan.

**3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab ke atas pengendalian loji/jentera statik jabatan sama ada dandang stim atau enjin pembakaran dalam, penyenggaraan berjadual/berkala ke atas dandang, prosedur keselamatan dandang serta pengurusan sistem sokongan yang bersangkutan dengan dandang seperti mana diperuntukkan dalam peraturan yang berkuat kuasa di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta Akta Kilang dan Jentera 1967.

**4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

- (a) Menjalankan operasi dandang (*boiler*) dan pemampat udara (*air compressor*) mengikut peraturan ditetapkan.
- (b) Memastikan saluran bekalan udara mampat dan stim ke tempat diperlukan sentiasa dalam keadaan baik dan tiada berlaku kebocoran.
- (c) Melaksanakan penyelenggaraan dandang tekanan tinggi serta memastikan mesin-mesin dan peralatan kerja seperti dandang stim, pemampat udara, *auto clave*, retot, *drum dryer* pam kumbahan, tangki diesel, pengering udara (air dryer), penjana (generator), saluran paip udara dan saluran paip stim ke mesin-mesin dalam keadaan bersih dan selamat untuk digunakan serta disenggarakan secara berkala.
- (d) Merekodkan penggunaan bahan kimia dan diesel dalam operasi dandang.
- (e) Membantu tugas-tugas operasi penyenggaraan dandang.
- (f) Menjalankan kerja-kerja penjagaan sistem sokongan yang bersangkutan dengan dandang.
- (g) Menjalankan operasi dandang tekanan tinggi mengikut peraturan yang ditetapkan.
- (h) Membaik pulih kerja-kerja kecil sistem dandang dan sistem loji.
- (i) Memastikan sistem elektrik dan mekanikal bersangkutan dengan dandang beroperasi dalam keadaan baik dan selamat.

- (j) Menyediakan laporan kerosakan kepada pegawai penyelia.
- (k) Memastikan prosedur keselamatan dandang dan sistem yang bersangkutan dengan dandang dipatuhi.
- (l) Memastikan kebersihan dan keselamatan persekitaran tempat kerja bagi menjamin keselamatan diri dan pelawat.
- (m) Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**4. HUBUNGAN KERJA**

- (a) Rakan sekerja di bahagian/unit/cawangan yang sama
- (b) Pegawai atasan.

**5. PERSEKITARAN KERJA**

Dalam dan luar pejabat.

**6. KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)**

- (a) Mahir mengendalikan mesin dandang/enjin pembakaran mengikut peraturan yang ditetapkan.
- (b) Mahir menggunakan peralatan kerja.
- (c) Mahir mengenal pasti aspek kebersihan/keceriaan dan keselamatan kawasan kerja.
- (d) Mahir melaksanakan penyelenggaraan dan pembaikan kecil ke atas dandang dan peralatan berkaitan.
- (e) Berkebolehan berkomunikasi dengan berkesan.
- (f) Berkebolehan mengurus masa.

**7. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- (a) Bersih, cekap dan amanah.
- (b) Bertanggungjawab.
- (c) Bekerjasama.
- (d) Kompeten dan teliti.
- (e) Mampu bekerja secara kumpulan.
- (f) Fizikal yang sihat dan cergas.

**8. ANCAMAN/BAHAYA**

Terdedah kepada kemalangan kecil semasa menjalankan tugas.



**PENGHURAIAN KERJA UMUM  
PEMANDU KENDERAAN**

**1. SKIM PERKHIDMATAN**

Pemandu Kenderaan Gred H11, H14.

**2. PERINGKAT ORGANISASI**

Pelbagai kementerian/jabatan/agensi kerajaan.

**3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, *dumper*, *roller* dan traktor pertanian.

**4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

(Catatan: Skop tugas berikut merupakan senarai tugas secara umum yang boleh dijadikan panduan dalam menentukan skop tugas Pemandu Kenderaan berdasarkan lesen yang dimiliki dan kenderaan/jentera yang dipandu/dikendali.)

**4.1 Tanggungjawab setiap hari sebelum memandu:**

- (a) Memastikan tempoh lesen memandu masih sah.
- (b) Memastikan tempoh cukai jalan masih sah.
- (c) Memastikan paras bahan api, minyak pelincir, minyak brek, minyak stereng, minyak kotak gear, air radiator dan air alat kesar cermin mencukupi.
- (d) Memastikan paras air bateri mencukupi dan keadaan terminal bateri ketat dan bersih.
- (e) Memeriksa keadaan pendawaian (wiring).
- (f) Memeriksa keadaan sistem kunci berpusat dan sistem penggera keselamatan.
- (g) Memeriksa semua sistem lampu supaya berfungsi.
- (h) Memastikan nombor pendaftaran kenderaan bersih dan jelas.
- (i) Membersihkan ruang dalaman kenderaan, alas kaki dan cermin tingkap kenderaan.
- (j) Memastikan tayar dalam keadaan baik dan tekanan angin mencukupi.

- (k) Memastikan tayar ganti dan peralatan/perkakas asas termasuk Kit Bantuan Kecemasan dan Alat Pemadam Api adalah dalam keadaan yang baik.
- (l) Memastikan keadaan *absorber* dan *suspension* adalah baik.
- (m) Memeriksa keadaan sistem stereng dan pastikan brek berfungsi.
- (n) Menentukan sistem hawa dingin dan sistem audio ditutup sebelum enjin dihidupkan.
- (o) Mengambil sedikit masa (sekurang-kurangnya 1 minit) untuk memanaskan enjin sebelum memulakan perjalanan dan memastikan kenderaan berada dalam keadaan yang baik.
- (p) Memastikan pergerakan kenderaan hendaklah berdasarkan arahan Ketua Jabatan/Pegawai Kenderaan.
- (q) Memastikan pemandu dan penumpang memakai tali pinggang keledar semasa menaiki kenderaan.
- (r) Bagi kenderaan barang, memastikan muatan tidak berlebihan, tidak membahayakan dan ditutup dengan kemas.

#### **4.2 Tanggungjawab semasa memandu:**

- (a) Memandu mengikut undang-undang dan peraturan lalu lintas.
- (b) Memberi tumpuan kepada pemanduan dan tidak memandu secara merbahaya seperti memotong di laluan kiri atau memintas kenderaan lain secara merbahaya.
- (c) Tidak memandu melebihi had laju yang ditetapkan.
- (d) Tidak merokok di dalam kenderaan.
- (e) Tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu.
- (f) Peka dengan keadaan perjalanan enjin, kotak gear dan kelancaran kenderaan semasa perjalanan dan membuat catatan jika terdapat masalah teknikal atau jika perlu mengambil tindakan yang sesuai.
- (g) Peka dengan keadaan persekitaran semasa perjalanan.

#### **4.3 Tanggungjawab selepas tamat perjalanan:**

- (a) Memastikan bahan api diisi penuh sebelum memulangkan kenderaan untuk disimpan.
- (b) Menutup suis sistem pendingin hawa dan audio sebelum enjin dimatikan serta tarik brek tangan dengan sempurna.
- (c) Mengisi butiran Buku Log dengan betul dan kemas.
- (d) Membersihkan kenderaan dengan sebaik-baiknya.
- (e) Menyimpan kenderaan dengan baik di tempat yang selamat.
- (f) Melaporkan kecacatan atau kerosakan yang dikesan pada kenderaan sepanjang penggunaan kepada Pegawai Kenderaan.

- (g) Memulangkan kunci kenderaan, kad inden dan kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit serta SmartTag kepada Pegawai Kenderaan.
- (h) Mendapatkan butiran perjalanan berikutnya dan pastikan jalan yang akan dilalui.

#### **4.4 Tanggungjawab sekiranya berlaku kemalangan:**

Apabila berlaku kemalangan, pemandu pegawai yang terlibat/Ketua Jabatan hendaklah membuat laporan polis dalam tempoh 24 jam. Bagi Kenderaan Kerajaan, kecuali kereta konsesi, tindakan susulan hendaklah dibuat mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1985 dan pindaannya. Bagi kereta konsesi, laporan hendaklah dibuat kepada pihak SPANCO serta-merta.

### **5. HUBUNGAN KERJA**

- (a) Rakan sekerja di bahagian/unit/cawangan yang sama.
- (b) Pegawai atasan.

### **6. PERSEKITARAN KERJA**

Dalam dan luar pejabat.

### **7. KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)**

- (a) Berkebolehan berkomunikasi dengan berkesan.
- (b) Berkebolehan mengurus masa.
- (c) Berkebolehan memandu termasuk kemahiran *defensive driving*, mengendali dan menyenggara kenderaan/jentera.
- (d) Berkebolehan membuat catatan dan merekod dengan berkesan.

### **8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- (a) Mempunyai tahap kesihatan yang baik.
- (b) Bebas daripada pengaruh dadah dan alkohol.
- (c) Sentiasa menjaga ketrampilan diri, berpakaian kemas, bersopan dan mesra pelanggan.
- (d) Sentiasa menjaga disiplin waktu dan menepati masa atau berada di lokasi 10 minit lebih awal.
- (e) Jujur dan ikhlas dalam menjalankan tugas serta sentiasa menanam semangat kerjasama yang tinggi.
- (f) Sentiasa mengetahui jadual rasmi Ketua/Pegawai yang dibawa serta peka terhadap sebarang perubahan jadual tersebut.
- (g) Mahir dengan selok-belok jalan yang akan dilalui.

- (h) Mematuhi dan melaksanakan arahan asalkan tidak bercanggah dengan undang-undang serta peraturan.
- (i) Sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan lalu lintas.
- (j) Mengurus kenderaan di bawah jagaan dengan baik dari segi kebersihan dan keselamatan kenderaan.
- (k) Memastikan penyenggaraan dan servis kenderaan dilakukan mengikut jadual yang ditetapkan.
- (l) Tidak membuat penambahan/penukaran komponen kenderaan.
- (m) Melaporkan kerosakan atau kecacatan kenderaan kepada Pegawai Kenderaan atau Pegawai yang diberi kuasa.

**9. ANCAMAN/BAHAYA**

Terdedah kepada kemalangan jalan raya semasa menjalankan tugas.

**PENGHURAIAN KERJA UMUM  
PENGHANTAR NOTIS**

**1. SKIM PERKHIDMATAN**

Penghantar Notis Gred N11, N14.

**2. PERINGKAT ORGANISASI**

Pelbagai kementerian/jabatan/agensi kerajaan.

**3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab menyampaikan surat atau dokumen undang-undang (saman, waran, perintah, kaedah/aturan, notis atau apa-apa juga proses mandatori sama ada sivil atau jenayah) kepada satu pihak yang lain secara serahan tangan atau menampal di tempat awam serta menyediakan bukti penyampaian dokumen yang telah diserahkan.

**4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

**4.1 Aspek tugas-tugas penyampaian surat/dokumen undang-undang**

- (a) Melaksanakan tugas penyampaian dokumen undang-undang kepada pihak yang dinamakan dalam dokumen tersebut secara sendiri (serahan tangan) dalam tempoh yang ditetapkan.
- (b) Menjelaskan maksud saman yang dihantar kepada pihak Defendan/Responden atau Penghutang Penghakiman supaya penerima memahami apakah maksud dokumen yang telah disampaikan kepada beliau.
- (c) Menampal notis yang tidak dapat disampaikan di tempat awam sama ada di atas tanah, bangunan mahkamah/pejabat/balai/masjid/pasar/ tempat awam sebagai hebahan.
- (d) Menghantar bil cukai taksiran, surat dan risalah kempen secara serahan tangan.
- (e) Menghantar surat secara serahan tangan tangan ke jabatan kerajaan, agensi swasta serta orang perseorangan yang berkenaan.
- (f) Menghantar surat-surat panggilan mesyuarat yang tidak dapat diserahkan secara pos.

**4.2 Aspek tugas-tugas akuan penerimaan serta merekod dokumen yang telah disampaikan**

- (a) Merekodkan dan mengemas kini buku rekod notis/saman.
- (b) Merekodkan laporan tugas dalam Borang Siasatan Cukai.
- (c) Menyediakan affidavit serahan/afidavit tanpa serahan.
- (d) Menyediakan akuan bersumpah bagi notis/saman yang tidak dapat diserahkan sama ada disebabkan penerima tidak berada di alamat yang dicatitkan atau enggan menerimanya
- (e) Membuat akuan sumpah bagi affidavit-afidavit di Mahkamah Syariah/Mahkamah Majistret/Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi.
- (f) Mengambil gambar harta tunggakan bangunan dan tanah kosong.
- (g) Menyertai tindakan rampasan barangan sita.

**4.3 Aspek tugas-tugas lain**

- (a) Memfailkan kes-kes ke mahkamah dan mengambil dokumen-dokumen yang telah diluluskan oleh Mahkamah.
- (b) Membuat carian kes-kes lama yang tiada maklum balas dari mahkamah.
- (c) Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**5. HUBUNGAN KERJA**

- (a) Rakan sekerja di bahagian/unit/cawangan yang sama.
- (b) Pegawai atasan.
- (c) Masyarakat setempat.

**6. PERSEKITARAN KERJA**

Dalam dan luar pejabat.

**7. KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)**

- (a) Berkebolehan dalam prosedur dan teknik menyampaikan dokumen undang-undang.
- (b) Berkebolehan dalam menentukan elemen-elemen asas yang diperlukan apabila menyediakan affidavit penyampaian atau tanpa penyampaian.
- (c) Berkebolehan dalam mengenal pasti tempoh masa bagi penyampaian setiap dokumen undang-undang.
- (d) Berkebolehan berkomunikasi dengan berkesan.
- (e) Berkebolehan mengurus masa.

- (f) Berkebolehan membuat catatan dan merekod dengan berkesan.

**8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- (a) Bersih, cekap dan amanah.
- (b) Berdisiplin.
- (c) Bertanggungjawab.
- (d) Jujur dan dedikasi dalam menjalankan tugas.
- (e) Kompeten dan teliti.
- (f) Fizikal yang sihat dan cergas.

**9. ANCAMAN/BAHAYA**

- (a) Kesukaran dari segi bentuk muka bumi yang pelbagai serta jarak lokasi tempat penyampaian yang jauh.
- (b) Lokasi/rumah penerima saman yang tidak diketahui/ditemui.
- (c) Tindak balas agresif daripada pihak yang enggan menerima dokumen yang diserahkan kepadanya.
- (d) Ancaman binatang peliharaan.
- (e) Terdedah kepada kemalangan jalan raya semasa menjalankan tugas.

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN  
(OPERATOR LOJI GRED R3, PEMANDU KENDERAAN GRED R3  
DAN PENGHANTAR NOTIS GRED N3)**

(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)

.....  
.....

---

Fail Ruj.:

Tarikh:

Nama : (Nama Pegawai)

Alamat : .....

.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PINDAAN SKIM  
PERKHIDMATAN OPERATOR LOJI GRED R3, R8, PEMANDU  
KENDERAAN GRED R3, R6 DAN PENGHANTAR NOTIS GRED N3, N12  
MELALUI PEMBERIAN OPSYEN**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan skim perkhidmatan Operator Loji Gred R3, R8, Pemandu Kenderaan Gred R3, R6 dan Penghantar Notis Gred N3, N12 dipinda berkuat kuasa pada **1 November 2013**. Sehubungan itu, tuan/puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan (nama skim perkhidmatan dan gred jawatan baharu) di (Nama Jabatan) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan .....

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran E1**. Tuan/Puan dikehendaki memberi jawapan sama ada **menerima atau menolak tawaran** pertukaran pelantikan ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran E2**. Jawapan tuan/puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada ..... (30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan).



2.1 Sekiranya tuan/puan **menerima tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (a) dalam Borang Opsyen di Lampiran E2**. Tuan/Puan juga hendaklah memilih sama ada:

- (a) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan dengan gaji RM ..... atas Gred ..... mulai pada tarikh yang sama; atau
- (b) ditukar lantik sehari selepas dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal. Tuan/Puan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga memenuhi syarat yang ditetapkan;

**atau**

2.2 Sekiranya tuan/puan **menolak tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (b) dalam Borang Opsyen di Lampiran E2**. Tuan/Puan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang diijinkan secara KUP.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

.....  
(Tandatangan Ketua Jabatan)

**SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN BAGI OPERATOR LOJI GRED R3, PEMANDU KENDERAAN GRED R3 DAN PENGHANTAR NOTIS GRED N3**

1. Kerajaan telah memutuskan supaya skim perkhidmatan Operator Loji Gred R3, R8, Pemandu Kenderaan Gred R3, R6 dan Penghantar Notis Gred N3, N12 dipinda berkuat kuasa pada **1 November 2013**. Dengan keputusan itu, tuan/puan diberi opsyen sama ada **menerima** tawaran untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan ataupun **menolak** tawaran pertukaran pelantikan. Jika tuan/puan **menolak tawaran pertukaran pelantikan ini**, tuan/puan akan **dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang dijumudkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP)**. Opsyen ini adalah **muktamad**.

**OPSYEN**
2. Bagi tuan/puan yang **menerima** tawaran untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan (nama skim perkhidmatan dan gred jawatan baharu), tuan/puan boleh memilih sama ada:
  - (a) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan; atau
  - (b) ditukar lantik sehari selepas dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal. Tuan/Puan yang memilih untuk ditukar lantik setelah dinaikkan pangkat secara *time-based* akan kekal di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang dijumudkan secara KUP sehingga sehari selepas kenaikan pangkat secara *time-based* tersebut.
3. Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah **30 hari** mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah **dianggap menolak** tawaran pertukaran pelantikan dan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang dijumudkan secara KUP.

**TEMPOH MEMBUAT OPSYEN**
4. Tuan/Puan akan ditawarkan ke skim perkhidmatan (nama skim perkhidmatan dan gred jawatan baharu).

**JAWATAN YANG DITAWARKAN**

5. Tuan/Puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. **PEMAKAIAN SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BAHARU**
6. (i) Tuan/Puan yang memilih untuk terus ditukar lantik akan ditawarkan: **GAJI PERMULAAN**
- (a) gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
- (b) gaji yang sama dengan gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir tuan/puan di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu.
- (ii) Tuan/Puan yang memilih untuk ditukar lantik setelah dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal, gaji tuan/puan akan diselaraskan di gred jawatan baharu sehari selepas dinaikkan pangkat mengikut prinsip di perenggan 6 (i) di atas.
- Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, JPA.
7. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tuan/puan adalah dikekalkan mengikut TPG jawatan asal. **TARIKH PERGERAKAN GAJI**
8. Tuan/Puan **dikecualikan** daripada syarat tempoh percubaan **jika tuan/puan telah disahkan** dalam perkhidmatan asal. Walau bagaimanapun untuk tujuan pencen, tuan/puan hendaklah disahkan dalam perkhidmatan baharu oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG TELAH DISAHKAN**
